

# Projek Hope 2.0 kukuhkan hubungan pelajar, masyarakat

BH 21.9.2017 VI6

**Kota Kinabalu:** Pelajar bidang perniagaan antarabangsa, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Projek Hope 2.0 membabitkan larian amal dan aktiviti melawat rumah anak yatim, baru-baru ini.

Pengarah program, Vivian Chow, berkata objektif program itu ialah memberi pendedahan dan kese- daran kepada peserta mengenai khidmat masyarakat, sekali gus

menyumbang bakti kepada komuniti setem-pat.

“Aktiviti larian amal berlangsung di Padang Kawad UMS yang disertai mahasiswa dan orang awam, manakala aktiviti lawatan pula ke Rumah Anak Yatim As-Sakinah dan Care Haven, Kota Kinabalu,” katanya.

## Pengalaman baik

Program dua hari itu dijayakan dengan bantuan pensyarah FPEP bagi memastikan kelancaran.

Chow berkata, program itu wajar diteruskan pada masa depan kerana mampu memberi pengalaman baik kepada mahasiswa, di samping membolehkan mereka membantu masyarakat kurang bernasib baik.

“Pada masa sama, program ini juga meng- eratkan silaturahim sesama mahasiswa yang terdiri daripada latar belakang berbeza, sekali gus mengukuhkan perpaduan dan menjayakan pelaksanaan konsep 1Malaysia,” katanya.



**Sebahagian peserta yang menjayakan larian amal dalam Projek Hope 2.0.**